

**FOTOGRAFI DULU DAN KINI**  
**Abd Raai bin Osman**  
**Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Kebangsaan Malaysia**

Fotografi merupakan media yang telah memeriahkan dunia kita sejak hampir seribu tahun lalu. Namun kamera moden dicipta sekitar tahun 1827. Merakam gambar budaya, adat resam serta kehidupan dengan fotografi telah menjadikan kerja-kerja oleh budayawan, saintis dan penyelidik lain lebih mudah.

Pada peringkat awal tamadun manusia, lukisan dan lakaran memainkan peranan penting. Apa sahaja zaman di dunia kita, lukisan mengambil peranan. Juteru itu maka telah ditemui berbagai bentuk lakaran di gua-gua yang pernah menjadi tempat tinggal manusia. Imajinasi manusia amat tinggi. Akhirnya tercipta kamera yang diasaskan oleh *Ibn a-Haytham (963-1039)* dengan percubaan menerusi kamera lobang jarum pada khemahnya.

Penciptaan kamera tidak dapat lari dari peranan saintis dari disiplin fizik. Kamera berubah mengikut kemampuan tamadun manusia. Sedikit demi sedikit perubahan berlaku dari sekeping cermin bersalut arang kemudian menggunakan Silver Bromide maka terbentuklah filem *Hitam Putih*. Kemampuan saintis telah mampu menghasilkan filem warna dan filem slaid.

Filem tidak dapat memberikan satu proses yang pantas. Kerja-kerja memerosesnya memakan masa. Akhirnya imej digital yang pertama telah tercipta sekitar tahun 1969. Namun ianya tidaklah sehebat sekarang.

Malaysia menerima ledakkan digital sekitar tahun 2000. Namun fotografi digital telah dikenali dunia sejak Perang Teluk Kedua. Selepas tahun 2000 fotografi digital telah menawan dunia dengan kewujudan kamera telefon yang canggih, kamera DSLR yang mampu mempunyai WIFI, kamera *GOPro* yang kecil mampu memberi gaya hidup tersendiri kepada muda mudi. Di mana sahaja orang akan membawa kamera. Tambahan kini telah ada beberapa laman sosial yang mampu mengirimitkan imej foto terlalu cepat.

Kita tidak mampu terfikir kerana teknologi begitu pantas dicipta. Malahan apa yang kita fikir hari ini tahun depan telah ada produk baharu di pasaran. Fotografi bukan lagi milik golongan bangsawan. Sekarang *everybody can be a photographer*.